كلية السلطان إسماعيل فترا الجامعية الإسلامية العالمية
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)
SULTAN ISMAIL PETRA INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE
IPTS : DKU045(D)

PERUTUSAN TIMBALAN REKTOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN) SEMPENA HARI AKADEMIA BAGI TAHUN 2024

Transformasi Akademia Dengan AI: Masyarakat Madani Berinovasi

Dr. Nurul Akma bt Mohamed
Timbalan Rektor
(Hal Ehwal Akademik & Penyelidikan)

Assalamualaikum wr wb.

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita sekali lagi dapat menyambut Hari Akademia bagi tahun 2024. Hari ini adalah hari kita semua – hari yang didedikasikan untuk mengiktiraf dan menghargai komitmen serta usaha gigih kita dalam memartabatkan pendidikan tinggi di negara ini.

Pendidikan Sebagai Amanah Ilmu

Sebagai warga akademik, kita memegang tanggungjawab yang amat berat dan mulia. Kita bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu, tetapi juga sebagai pembimbing mahasiswa yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan.

Amanah yang dipikul bukan hanya untuk menyampaikan ilmu kepada para mahasiswa, tetapi juga membentuk mereka menjadi insan yang Rabbani.

Setiap kali kita melangkah ke bilik kuliah, ingatlah bahawa kita sedang memainkan peranan dalam membentuk minda dan jiwa generasi masa depan agar seimbang dari segi intelektual, spiritual, fizikal dan emosi. Setiap nasihat kita walaupun kelihatan kecil, mungkin menjadi titik tolak kepada perubahan besar dalam kehidupan mereka.

Cabaran dan Transformasi Pendidikan

Di zaman yang penuh dengan cabaran globalisasi dan revolusi teknologi ini, kita perlu terus bergerak pantas ke hadapan. Pendidikan kini bukan lagi bersifat tradisional semata-mata. Perubahan cara penyampaian ilmu melalui platform digital, pembelajaran dalam talian, serta penggunaan teknologi terkini iaitu AI dalam bilik kuliah adalah sesuatu yang tidak boleh kita elakkan. Justeru, kita semua harus berinovasi dan mengadaptasi kaedah pengajaran yang relevan dengan keperluan masa kini.

Dalam hal ini, saya menyeru semua warga akademik untuk mengambil peluang dan terus memperkaya diri dengan kemahiran-kemahiran baru yang diperlukan oleh dunia pendidikan yang semakin mencabar. Latihan profesional, pembangunan kendiri, serta usaha-usaha untuk memajukan diri perlu menjadi keutamaan dalam memastikan kita kekal relevan dan mampu memberikan yang terbaik kepada mahasiswa dan institusi kita.

Kecemerlangan Akademik dan Penyelidikan

Kecemerlangan dalam pengajaran tidak akan lengkap tanpa kecemerlangan dalam penyelidikan. Institusi kita sebagai sebuah Kolej Universiti sentiasa memberi penekanan kepada penyelidikan berimpak tinggi yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara, apatah lagi ke peringkat antarabangsa. Oleh itu, saya ingin menekankan kepentingan untuk kita terus komited dalam melaksanakan penyelidikan, menghasilkan kajian yang memberi manfaat kepada masyarakat dan membawa nama baik institusi ke persada antarabangsa.

Di samping itu, marilah kita terus menggalakkan budaya kolaborasi – baik antara fakulti, universiti, mahupun dengan industri. Kerjasama antara pihak-pihak ini akan membuka lebih banyak ruang untuk penemuan baru dan penyelesaian masalah yang lebih berkesan dalam menghadapi isu-isu semasa.

Kesejahteraan Warga Akademik

Dalam kesibukan kita mengejar kecemerlangan, jangan kita lupa tentang kesejahteraan diri. Tanggungjawab sebagai ahli akademik seringkali menuntut masa, kerahan tenaga dan buah fikiran yang tidak sedikit. Namun, keseimbangan antara tugas profesional dengan kehidupan peribadi dan keluarga juga adalah penting agar sumbangan kita kepada masyarakat dapat dilakukan secara lebih efektif. Hanya apabila kita berada dalam keadaan yang sejahtera dari segi fizikal, mental dan spiritual, kita dapat memberikan yang terbaik kepada mahasiswa, institusi dan komuniti.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua warga akademik yang telah menunjukkan komitmen dan integriti yang tinggi sepanjang tempoh perkhidmatan. Sumbangan anda semua adalah amat berharga dan menjadi tiang seri kepada kejayaan Kolej Universiti kita. Tanpa kerjasama, komitmen dan pengorbanan anda semua, kita tidak mungkin dapat sampai ke tahap ini.

Komitmen Ke Arah Sebuah Universiti Penuh

Bagi mencapai impian kita semua untuk menjadi sebuah universiti penuh pula, komitmen yang lebih tinggi daripada setiap warga akademik adalah sangat diperlukan. Kita perlu menggembleng usaha bersama dalam meningkatkan kualiti pengajaran, penyelidikan, serta keterlihatan atau *visibility* kita dalam masyarakat.

Pada masa yang sama, sebuah sistem sokongan yang lebih kukuh perlu diwujudkan, merangkumi peningkatan infrastruktur, teknologi, serta bantuan profesional kepada staf dan pelajar. Hanya dengan sinergi antara komitmen individu dan sistem sokongan ini, kita mampu mencapai visi dan misi untuk mengukuhkan kedudukan kita sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi Rabbani yang disegani di rantau ini.

Penutup

Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Akademia 2024 kepada semua. Semoga kita terus diberi kekuatan dan kesabaran untuk menghadapi segala cabaran yang mendatang, dan terus menabur bakti demi kecemerlangan pendidikan di negara ini.

Semoga Allah SWT sentiasa memberkati usaha kita dan memandu langkah kita semua dengan taufik dan hidayah-Nya ke arah kebaikan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

Sekian, wassalam.

Dr. Nurul Akma bt Mohamed
Timbalan Rektor
(Hal Ehwal Akademik dan Penyelidikan)
05 Oktober 2024